

UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

EDISI SEMAKAN

PENGGAL 25

**TERBITAN-TERBITAN YANG TIDAK
DIINGINI**

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran pendek dan permulaan kuatkuasa
2. Tafsiran
3. Kuasa melarang pengimportan, penjualan atau pengedaran terbitan-terbitan
4. Kesalahan-kesalahan
5. Penyerahan terbitan yang dilarang ke pihak polis
6. Kuasa memeriksa bungkusan-bungkusan
7. Perlucutan hak
8. Pengeluaran waran menggeledah
9. Menangkap dengan tiada waran
10. Lantikan pengawal-pengawal dan pegawai-pegawai yang diberi kuasa
11. Pemeriksaan benda-benda yang masuk ke dalam Negara Brunei Darussalam

12. Pemeriksaan orang-orang yang masuk ke dalam Negara Brunei Darussalam
 13. Penggeledahan bangunan atau tempat
 14. Sekatan terhadap tindakan undang-undang
 15. Rayuan-rayuan
 16. Syarat-syarat pemansuhan dan pengecualian
-

**AKTA TERBITAN-TERBITAN YANG TIDAK
DIINGINI**

Satu Akta untuk mencegah pengimportan, penyebaran atau penyalinan terbitan-terbitan yang tidak diingini dan bagi maksud-maksud yang berkaitan dengannya.

1 tahun 1982
S 10/84

Permulaan kuatkuasa : 1 Disember 1986

S 25/86

1. Akta ini boleh digelar sebagai Akta Terbitan-Terbitan Yang Tidak Diingini.

Gelaran pendek

2. Di dalam Akta ini, kecuali jika maksudnya berkehendakan makna yang lain —

Tafsiran

“terbitan berkala” termasuk setiap terbitan yang dikeluarkan secara berkala-kala atau dalam bahagian-bahagian atau bilangan-bilangan di selang-selang masa sama ada sentiasa tetap atau tidak ;

“tempat” termasuk sebarang kenderaan, kapal, atau pesawat terbang, sama ada di tempat awam atau bukan ;

“terbitan yang dilarang” bermakna apa jua terbitan yang pengimportan, penjualan atau pengedarannya telah dilarang di bawah bab 3 ;

“terbitan” termasuk semua benda bertulis, majalah bergambar atau benda bercetak dan segala apa, sama ada sejenis yang serupa dengan benda bertulis atau bercetak atau tidak, yang mengandungi sebarang gambaran yang nampak, atau dengan rupa, bentuk atau dengan apa jua caranya boleh membayangkan kata-kata atau buah-buah fikiran, dan tiap-tiap naskhah dan salinan atau salinan yang diambil secara besar-besaran dari sebarang terbitan.

Kuasa melarang pengimportan, penjualan atau pengedaran terbitan-terbitan

3. (1) Jika Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri berpendapat bahawa pengimportan, penjualan atau pengedaran mana-mana terbitan atau siri-siri terbitan yang diterbitkan atau dicetak di luar Negara Brunei Darussalam atau di dalam Negara Brunei Darussalam oleh sesiapa jua akan bertentangan dengan kepentingan awam, maka bolehlah dia atas pertimbangan mutlaknyanya sendiri, dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan*, melarang pengimportan, penjualan atau pengedaran terbitan atau siri-siri terbitan atau semua terbitan tersebut yang diterbitkan atau dicetak oleh orang itu.

(2) Jika sesuatu perintah di bawah ceraiian (1) menentukan dengan nama sesuatu terbitan yang mana adalah suatu terbitan berkala, maka perintah sedemikian adalah, kecuali maksud yang lain dinyatakan di dalamnya, mempunyai kuatkuasa bersabit dengan —

(a) semua keluaran lampau dan yang berikutan mengenai terbitan itu ; dan

(b) mana-mana terbitan yang diterbitkan atau dicetak di bawah sebarang nama yang lain jika penerbitan atau percetakannya itu adalah dari segi mana pun merupakan sambungan dari, atau sebagai ganti kepada, penerbitan atau percetakan terbitan yang dinamakan dalam perintah itu.

(3) Jika sesuatu perintah yang dibuat di bawah ceraiian (1) melarang pengimportan, penjualan atau pengedaran semua terbitan yang diterbitkan atau dicetak oleh seseorang yang ditentukan maka perintah sedemikian adalah, kecuali maksud yang lain ada dinyatakan dalam perintah itu, mempunyai kuatkuasa bukan sahaja bersabit dengan semua terbitan yang diterbitkan atau dicetak oleh orang itu sebelum tarikh perintah sedemikian tetapi juga dengan semua terbitan yang diterbitkan atau dicetak pada atau selepas tarikh tersebut.

(4) Sesuatu perintah yang dibuat di bawah cerai (1) adalah, kecuali maksud yang lain ada dinyatakan dalam perintah itu, dikenakan kepada sebarang terjemahan ke dalam apa jua bahasa mengenai terbitan yang ditentukan dalam perintah itu.

(5) Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri boleh pada bila-bila masa membatalkan, mengubah atau meminda mana-mana perintah yang diperbuat di bawah bab ini.

4. (1) Sesiapa jua yang mengimport, menerbit, menjual, menawarkan untuk dijual, menyebarkan atau membuat salinan-salinan sebarang terbitan yang dilarang atau sebarang petikan daripadanya adalah bersalah : Hukuman, bagi kesalahan pertama penjara selama 3 tahun dan denda sebanyak \$3,000 dan bagi kesalahan berikutnya penjara selama 4 tahun dan denda sebanyak \$5,000.

Kesalahan-kesalahan

(2) Sesiapa jua yang tidak mempunyai sebab yang berpatutan ada dalam miliknya sebarang terbitan yang dilarang atau sebarang petikan daripadanya adalah bersalah : Hukuman, bagi kesalahan pertama penjara selama satu tahun dan denda sebanyak \$2,000 dan bagi kesalahan berikutnya penjara selama 2 tahun dan denda sebanyak \$3,000.

(3) Dalam mana-mana tindakan mahkamah terhadap sesiapa jua kerana sesuatu kesalahan di bawah cerai (2) orang itu hendaklah dianggap, sehingga sebaliknya dibuktikan, telah mengetahui akan kandungan-kandungan serta jenis kandungan-kandungan mana-mana terbitan sebaik-baik sahaja selepas terbitan itu berada dalam miliknya.

5. Sesiapa jua —

(a) yang dihantar kepadanya apa jua terbitan yang dilarang atau apa jua petikan daripadanya tanpa pengetahuan atau maklumannya atau dihantarkan sebagai memenuhi permintaan yang dibuat oleh orang itu

Penyerahan terbitan yang dilarang ke pihak polis

sebelum larangan terhadap pengimportan, penjualan atau pengedaran terbitan itu berjalan kuatkuasanya ; atau

(b) yang ada dalam miliknya terbitan yang sedemikian atau petikan daripadanya pada ketika larangan terhadap pengimportan, penjualan atau pengedarannya berjalan kuatkuasanya,

hendaklah dengan serta-merta, sebaik-baik sahaja jenis kandungan-kandungannya telah diketahui olehnya, atau dalam hal sesuatu terbitan atau petikan daripadanya yang berada dalam milik orang itu sebelum sesuatu perintah yang melarang pengimportan, penjualan atau pengedarannya diperbuat manakala berjalan kuatkuasa perintah sedemikian, menyerahkan terbitan itu atau petikan daripadanya kepada seseorang pegawai polis yang berpangkat tidak rendah dari Inspektor atau kepada pegawai yang memerintah sesebuah Balai Polis dan jika gagal melakukan demikian adalah bersalah : Hukuman, penjara selama satu tahun dan denda sebanyak \$2,000.

Kuasa
memeriksa
bungkusan-
bungkusan

6. (1) Mana-mana —

(a) pegawai Jabatan Perkhidmatan-perkhidmatan Pos yang berpangkat tidak rendah dari Ketua Pos ;

(b) pegawai kastam yang layak :

(c) pegawai polis yang berpangkat tidak rendah dari Inspektor ; dan

(d) pegawai lain yang diberi kuasa bagi maksud itu oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri,

boleh menahan, membuka dan memeriksa mana-mana bungkusan atau benda yang dia mengesyaki ada mengandungi sebarang terbitan yang dilarang atau petikan daripadanya dan semasa pemeriksaan tersebut boleh menahan sesiapa jua yang

mengimport, menyebarkan atau mengepos bungkusan atau benda tersebut, atau dalam milik siapa bungkusan atau benda itu didapati.

(2) Jika mana-mana terbitan yang dilarang atau petikan daripadanya ada didapati dalam bungkusan atau benda itu, maka keseluruhan bungkusan atau benda itu boleh disita dan disimpan oleh pegawai itu dan orang yang mengimport, menyebarkan atau pengeposnya, atau dalam milik siapa ianya didapati, boleh dengan serta-merta ditangkap oleh pegawai itu dan tindakan mahkamah diambil terhadapnya kerana melakukan kesalahan di bawah bab 4 atau 5 yang mana satu berkenaan.

7. Sesebuah mahkamah di hadapan mana sebarang pembicaraan dijalankan di bawah Akta ini, jika berpuashati bahawa mana-mana dokumen yang dikemukakan dalam pembicaraan itu adalah terbitan yang dilarang atau petikan daripadanya, hendaklah sama ada pesalah yang didakwa itu didapati sabit kesalahannya atau tidak memerintahkan supaya terbitan atau petikan daripadanya dilucutkan hak dan diserahkan kepada Pesuruhjaya Polis, siapa yang akan memerintahkan supaya ianya dimusnahkan atau dibuat apa sahaja secara yang difikirkannya patut.

Perlucutan
hak

8. (1) Bilamana nampaknya kepada mana-mana majistret manakala menerima maklumat dan setelah diadakan penyiasatan yang difikirkannya perlu bahawa ada sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa di dalam mana-mana bangunan atau tempat ada disembunyikan atau ditaruhkan sebarang terbitan yang dilarang atau petikan daripadanya, maka majistret itu boleh, dengan waran yang ditujukan kepada mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak rendah dari Inspektor memberi kuasa kepada pegawai itu untuk memasuki bangunan atau tempat itu dengan kekerasan jika perlu untuk menggeledah, merampas, dan menahan sebarang terbitan yang sedemikian.

Pengeluaran
waran
menggeledah

(2) Bilamana nampaknya kepada mana-mana pegawai polis, yang berpangkat tidak rendah dari Penolong Penguasa, bahawa ada sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa di dalam mana-mana bangunan atau tempat ada disembunyikan atau ditaruhkan sebarang terbitan yang dilarang atau petikan daripadanya, dan dia mempunyai alasan-alasan yang baik bagi mempercayai bahawa tujuan penggeledahan itu mungkin akan terkecewa kerana kelewatan memperoleh waran penggeledah maka ia boleh memasuki dan menggeledah bangunan atau tempat itu seolah-olah dia telah diberi kuasa berbuat demikian oleh sesuatu waran yang dikeluarkan di bawah ceraihan (1).

Menangkap
dengan tiada
waran

9. Sesiapa jua pegawai polis yang berpangkat tidak rendah dari Inspektor boleh menangkap dengan tiada waran mana-mana orang yang didapati atau munasabah disyaki melakukan atau cuba melakukan atau memujuk atau bersubahat dengan sesiapa jua supaya melakukan mana-mana kesalahan terhadap Akta ini, atau munasabah disyaki memiliki secara yang melanggar undang-undang sebarang benda yang boleh dilucutkan hak di bawah Akta ini.

Lantikan
pengawal-
pengawal dan
pegawai-
pegawai yang
diberi kuasa

10. (1) Pengawal Kastam, Pesuruhjaya Polis, Ketua Cawangan Khas, Ketua Pos Agung dan pegawai-pegawai lain yang Menteri boleh dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan* melantik akan menjadi pengawal-pengawal bagi maksud-maksud bab-bab 11, 12 dan 13.

(2) Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri boleh, secara bersurat yang ditandatangani olehnya, melantik mana-mana pegawai kerajaan menjadi pegawai yang diberi kuasa bagi maksud-maksud bab-bab 11 dan 12.

(3) Pada menjalankan kuasa-kuasa mereka dan dalam melaksanakan kewajipan-kewajipan mereka di bawah Akta ini, maka pengawal-pengawal dan pegawai-pegawai yang diberi kuasa hendaklah berpandukan kepada arahan-arahan am atau khas yang mungkin, dari masa ke semasa, diberi kepada mereka oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

11. (1) Seseorang pengawal atau sesiapa jua pegawai yang diberi kuasa boleh menahan, membuka dan memeriksa sebarang benda yang masuk ke dalam Negara Brunei Darussalam dengan apa jua cara pun daripada mana-mana tempat di luar Negara Brunei Darussalam yang mana dia mempunyai sebab untuk mempercayai ada mengandungi atau berisi sesuatu terbitan yang pengimportan, penjualan atau pengedarannya adalah mendatangkan mudarat kepada keselamatan awam atau kepentingan awam dalam Negara Brunei Darussalam.

Pemeriksaan
benda-benda
yang masuk
ke dalam
Negara
Brunei
Darussalam

(2) Jika setelah benda itu dibuka dan diperiksa maka ianya didapati mengandungi atau berisi sesuatu terbitan yang pada pendapat pengawal atau pegawai yang diberi kuasa adalah mendatangkan mudarat kepada keselamatan awam atau kepentingan awam dalam Negara Brunei Darussalam maka dia boleh menahan benda itu selama yang dianggapnya perlu dan boleh atas pertimbangan mutlaknyanya sendiri memusnahkan atau menyebabkan supaya dimusnahkan benda itu atau kandungannya yang berisi sebarang terbitan sedemikian :

Dengan syarat bahawa kalau tidak dimusnahkan atau menyebabkan supaya mana-mana benda itu dimusnahkan maka pengawal atau pegawai yang diberi kuasa boleh atas pertimbangannya menyebabkan supaya ianya dikembalikan kepada pengirimnya.

12. (1) Sesiapa jua yang masuk ke dalam Negara Brunei Darussalam hendaklah, jika dia dikehendaki berbuat demikian oleh seseorang pengawal atau sesiapa jua pegawai yang diberi kuasa —

Pemeriksaan
orang-orang
yang masuk
ke dalam
Negara
Brunei
Darussalam

(a) menyatakan sama ada atau tidak dia ada mempunyai sebarang terbitan ; dan

(b) menunjukkan terbitan sedemikian untuk diperiksa.

(2) Seseorang pengawal atau seseorang pegawai yang diberi kuasa boleh memeriksa mana-mana orang yang masuk ke dalam Negara Brunei Darussalam atau menggeledah sebarang benda yang ada pada diri orang itu bagi maksud memastikan sama ada dia ada dalam miliknya sebarang terbitan yang pengawal atau pegawai yang diberi kuasa memikirkannya mudarat kepada keselamatan awam atau kepentingan awam dalam Negara Brunei Darussalam dan boleh merampas mana-mana terbitan yang ditunjukkannya itu atau didapati manakala melakukan pemeriksaan atau penggeledahan sedemikian.

(3) Mana-mana terbitan yang dirampas di bawah cerai (2) boleh ditahan selama yang pengawal atau pegawai yang diberi kuasa menganggapnya perlu dan pengawal atau pegawai yang diberi kuasa —

(a) boleh, jika terbitan itu adalah pada pendapatnya satu terbitan yang mendatangkan mudarat kepada keselamatan awam atau kepentingan awam dalam Negara Brunei Darussalam merampas terbitan sedemikian dan atas pertimbangan mutlaknyanya sendiri memusnahkannya atau menyebabkannya supaya dimusnahkan :

Dengan syarat bahawa kalau tidak dimusnahkan atau menyebabkan supaya mana-mana terbitan itu dimusnahkan maka pengawal atau pegawai yang diberi kuasa boleh atas pertimbangannya membenarkannya supaya dihantarkan ke sesuatu tempat di luar Negara Brunei Darussalam ; dan

(b) hendaklah, jika terbitan yang sedemikian pada pendapatnya tidak akan mendatangkan mudarat kepada keselamatan awam atau kepentingan awam dalam Negara Brunei Darussalam mengembalikan terbitan itu kepada orang yang daripada siapa terbitan itu telah dirampas.

(4) Sesiapa jua yang gagal memenuhi sebarang kehendak yang diperbuat oleh seseorang pengawal atau pegawai yang diberi kuasa di bawah cerai (1) adalah bersalah : hukuman ; penjara selama 6 bulan dan denda sebanyak \$1,000.

13. (1) Seseorang pengawal boleh memberi kuasa kepada mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak rendah dari Inspektor untuk memasuki dan menggeledah sebarang bangunan atau tempat di mana dia mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai apa jua terbitan yang mendatangkan mudarat kepada keselamatan awam atau kepentingan awam dalam Negara Brunei Darussalam mungkin didapati, dan untuk merampas terbitan yang didapati itu.

Peng-
geledahan
bangunan
atau
tempat

(2) Seseorang pengawal boleh menahan terbitan yang sedemikian selama yang dianggapnya perlu dan boleh atas pertimbangan mutlaknyanya sendiri memusnahkan atau menyebabkan supaya dimusnahkan terbitan yang ditahan itu.

14. Tiada apapun jua tindakan undang-undang boleh dihidangkan, atau dimulakan atau diteruskan dalam mana-mana mahkamah kerana atau sebab sebarang kerugian mengenai, atau kerosakan kepada apa jua benda atau terbitan yang telah dirampas, ditahan, disita atau dimusnahkan di bawah syarat-syarat bab 11, 12 dan 13 atau kerana atau sebab sebarang kelewatan dalam penyerahan atau pengembalian benda atau terbitan itu kepada orang yang kepada siapa benda atau terbitan itu sepatutnya telah diserahkan atau dikembalikan.

Sekatan
terhadap
tindakan
undang-
undang

15. (1) Sesiapa jua yang tidak puas hati oleh penahanan mana-mana benda atau terbitan di bawah syarat-syarat bab 11, 12 dan 13 boleh merayu terhadap penahanan yang sedemikian kepada Menteri, keputusan siapa mengenainya adalah muktamad dan tidak boleh dijadikan perkara apa jua rayuan kepada atau kajian semula dalam mana-mana mahkamah :

Rayuan-
rayuan

Dengan syarat bahawa sesuatu rayuan sedemikian tidaklah dibenarkan kecuali notis rayuan yang bertulis berserta dengan sebab-sebabnya dibuat rayuan itu diberikan kepada Menteri dalam masa 14 hari dari tarikh penyampaian pemberitahuan yang disebutkan dalam cerai (2).

(2) Seseorang pengawal atau seseorang pegawai yang diberi kuasa hendaklah memberitahu orang yang dialamatkan atau penerima kiriman mengenai sebarang benda yang telah ditahan di bawah bab 11 atau orang yang daripada siapa mana-mana terbitan telah dirampas dan ditahan di bawah bab 12 dan 13 mengenai haknya untuk merayu di bawah cerai (1).

(3) Sesuatu pemberitahuan yang diberikan oleh seseorang pengawal atau seseorang pegawai yang diberi kuasa di bawah cerai (2) boleh diberikan kepada orang itu sendiri atau boleh disampaikan dengan jalan pos dan harinya bila-mana sesuatu pemberitahuan yang telah diposkan itu sepatutnya dapat diterima menurut perjalanan pos biasa adalah dianggap sebagai tarikh penyampaian pemberitahuan itu.

(4) Dengan tidak menghiraukan sebarang syarat yang lain dari Akta ini tiada sebarang benda atau terbitan boleh dimusnahkan di bawah bab 11, 12 atau 13 kecuali rayuan telah tidak dihadapkan tentang penahanannya atau sebarang rayuan terhadap penahanannya telah ditolak atau tidak diteruskan.

Penggal 25
tahun 1951

16. (1) Undang-Undang Terbitan-Terbitan Yang Tidak Diingini (The Undesirable Publications Enactment) (selepas ini disebut sebagai "Undang-Undang yang dimansuhkan") adalah dengan ini dimansuhkan.

Syarat-syarat
pemansuhan
dan
pengecualian

(2) Mana-mana perintah yang berkuatkuasa sebaik-baik sahaja sebelum berjalannya kuatkuasa Akta ini dan diperbuat oleh —

(a) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam Majlis Mesyuarat di bawah bab 3 dari Undang-Undang yang dimansuhkan ; atau

(b) Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri di bawah Perintah 3 dari Perintah-Perintah Darurat (Kawalan Terbitan-Terbitan), 1967.

E. 12 tahun
1967

hendaklah, bagi maksud-maksud Akta ini, dianggap telah diperbuat oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri di bawah bab 3 dan disiarkan dalam *Warta Kerajaan* pada tarikh mulanya berjalan kuatkuasa Akta ini; dan sebarang terbitan yang terlibat oleh perintah sedemikian hendaklah dianggap sebagai terbitan yang dilarang bagi maksud-maksud Akta ini selagi perintah itu terus berkuatkuasa berkenaan dengan terbitan sedemikian.
